



## SIARAN MEDIA

### AKTIVITI PEMBANGUNAN TANAH PERTANIAN TANPA KELULUSAN

MPS amat memandang serius terhadap aktiviti pembangunan tanah pertanian tanpa kelulusan di kawasan pentadbiran MPS. Justeru, MPS telahpun mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap aktiviti tanpa kelulusan ini yang menyebabkan berlakunya pelbagai masalah seperti banjir lumpur dan bencana alam yang lain.

Kes pertama yang telah berlaku di Sg Pusu bertarikh 21 Mei 2019 telah menyebabkan banjir lumpur sehingga merisikokan penduduk di kawasan berkenaan. Justeru, pemantauan ke atas aktiviti ini sentiasa dibuat oleh MPS melalui lawatan tapak dan daripada aduan orang ramai. Tindakan lebih tegas juga telah diambil khususnya dengan membuat sitaan ke atas jengkaut yang menjalankan operasi tersebut.

Aktiviti pembangunan tanah pertanian tanpa kelulusan ini turut berlaku di Lot 2590, Kg.Sg Chinchin (Sg.Semampus) pada 31 Mei 2019 dengan tindakan MPS merampas jengkaut di bawah Seksyen 70A(1). Pada 22 Jun 2019, MPS sekali lagi membuat tindakan sitaan di bawah Seksyen 70A(1) dengan menyita jengkaut yang menjalankan operasi di Lot 2589, Kg. Sg Chinchin (Sg.Semampus).

Tindakan tegas ini diharap dapat membendung aktiviti kerja tanah tanpa kebenaran daripada terus beroperasi. Orang ramai boleh menyalurkan sebarang aduan dan maklumat di talian bebas tol aduan 1 800 222 677.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh :

MOHAMAD ZIN BIN MASOAD A.M.S.

Pengarah  
Jabatan Korporat  
b/p Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang

03-6126 5800/019-280 7788

Tarikh dikeluarkan : 26 Jun 2019